



**KENYATAAN MEDIA BERSAMA  
MENTERI KESIHATAN DAN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)**

**PENGGUBALAN ORDINAN DARURAT (PENCEGAHAN DAN  
PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT) (PINDAAN) 2021**

---

Kerajaan mengambil berat dan amat komited kepada usaha berterusan untuk mencegah dan mengawal penularan wabak COVID-19. Penguatkuasaan undang-undang sepanjang tempoh wabak ini memainkan peranan penting dalam melancarkan pelaksanaan aktiviti kawalan dan pencegahan penularan jangkitan COVID-19 di dalam negara. Bagi tujuan tersebut, banyak peraturan baharu di bawah Akta 342 telah digubal.

Bagaimanapun, peraturan-peraturan yang dibuat itu hanya berkuat kuasa bagi satu tempoh yang dinyatakan di bawah subseksyen 11(1) berkaitan pengisytiharan kawasan tempatan jangkitan. Antara peraturan yang dibuat adalah berkaitan langkah-langkah di dalam kawasan tempat jangkitan; penetapan fi dan caj; serta layanan perubatan dan penyaraan orang yang dipindahkan ke stesen kuarantin.

Susulan pengisytiharan darurat oleh Kebawah DYMM Yang Dipertuan Agong, pada 11 Januari 2021, Kementerian Kesihatan telah meneliti dan membuat cadangan pindaan ke atas Akta 342 melalui seksyen 16 Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021 dengan tujuan berikut.

- menambah baik Akta 342 secara khusus bagi memastikan wabak COVID-19 berjaya ditangani,
- meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan Akta 342 dalam membendung penularan wabak COVID-19 semasa tempoh darurat.

Secara keseluruhan, 10 peruntukan merangkumi 5 pindaan peruntukan sedia ada dalam Akta 342 dan 5 peruntukan baharu dan dimasukkan ke dalam Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021 ini, kerana terdapat keperluan segera semasa Proklamasi Darurat yang mana mengambil masa jika melalui proses biasa Sidang Parlimen.

Cara ini adalah untuk memastikan Malaysia bebas dari pandemik dalam pada masa yang sama rakyat memahami hasrat Kerajaan memerangi pandemik COVID-19.

Pindaan yang berkaitan adalah seperti berikut.

**(i) Seksyen 2 (1) – Tafsiran pegawai diberi kuasa**

Pindaan pada tafsiran "Pegawai diberi kuasa" dengan memasukkan mana-mana Pegawai Kesihatan Persekitaran dilakukan untuk disesuaikan dengan skim perkhidmatan sedia ada.

Tafsiran yang dicadangkan ini juga diperluaskan kepada mereka yang tidak berkhidmat dalam perkhidmatan awam persekutuan seperti Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan memasukkan "mana-mana orang yang sesuai".

**(ii) Seksyen 2(1) – Tafsiran Pegawai Kesihatan Persekitaran**

Nama jawatan Pegawai Kesihatan Persekitaran telah menggantikan Inspektor Kesihatan sejak tahun 2003 apabila skim perkhidmatan dipinda. Jawatan ini termasuk Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran sama ada yang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan mahupun dengan PBT.

**(iii) Seksyen 10 – Kehendak supaya memberitahu tentang penyakit berjangkit**

Pindaan ke atas seksyen ini bagi membolehkan pengamal perubatan memberitahu wujudnya apa-apa penyakit berjangkit di mana-mana premis walaupun tanpa pengesahan melalui ujian makmal. Ia bagi memastikan tindakan siasatan, pencegahan dan pengawalan penularan jangkitan dapat dilakukan awal sementara menunggu keputusan makmal.

Cara pemberitahuan penyakit berjangkit ini kepada pihak Kementerian Kesihatan boleh dilakukan dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. Ini bermakna Ketua Pengarah Kesihatan boleh menentukan cara pemberitahuan ini sama ada melalui panggilan telefon, mengisi Borang Notifikasi, melalui e-mel atau menggunakan secara digital seperti Sistem eNotifikasi yang telah digunakan sejak 2004.

**(iv) Seksyen 15A – Perintah bagi memakai peranti pengesanan**

Peruntukan baharu ini bagi membolehkan penggunaan peranti pengesanan dengan teknologi terkini untuk mengawal pergerakan orang yang dijangkiti atau mereka yang disyaki telah dijangkiti penyakit berjangkit atau kontak kepada kes, dan telah diarahkan oleh pegawai diberi kuasa

untuk menjalani pengasingan bagi pengawasan dan pemerhatian. Walau bagaimanapun, pemakaian gelang tangan atau gelang pengawasan yang digunakan semasa wabak COVID-19 ini dikuatkuasakan di bawah peraturan 9(3) Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah Di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 9) 2020.

Di bawah Ordinan ini, penalti akan dikenakan ke atas individu yang dipakaikan peranti pengesanan atau alat pengesanan ini sekiranya alat tersebut dimusnahkan, dirosakkan, dihilangkan atau diubah.

**(v) Seksyen 21A – Arahan Ketua Pengarah**

Peruntukan baharu ini bagi membolehkan Ketua Pengarah Kesihatan mengeluarkan arahan di bawah Akta 342. Semasa wabak COVID-19, kuasa Ketua Pengarah Kesihatan hanya diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Dengan peruntukan baharu ini, Ketua Pengarah Kesihatan boleh mengeluarkan apa-apa cara, sama ada secara am atau khusus, kepada mana-mana orang atau golongan orang supaya mengambil langkah-langkah bagi mencegah dan mengawal penyakit berjangkit.

**(vi) Bahagian IVA – Penguatkuasaan**

Peruntukan baharu ini mengandungi peruntukan kesalahan boleh tangkap dan kuasa untuk menangkap. Selain itu, ia memberi kuasa menjalankan penyiasatan dan kuasa untuk memberikan maklumat yang

berhubungan dengan pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit. Pada masa ini, tiada punca kuasa hingga menyukarkan tugas penguatkuasaan. Kanun Tatacara Jenayah akan digunakan dalam melaksanakan kuasa untuk menangkap.

**(vii) Seksyen 22A – Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan**

Peruntukan baharu ini bertujuan membolehkan kesalahan yang dilakukan di bawah Akta 342 dipertuduhkan kepada pertubuhan perbadanan sehingga dapat dibuktikan kesalahan yang dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya serta langkah berjaga-jaga dan segala usaha telah diambil bagi mengelakkan berlakunya kesalahan tersebut.

Peruntukan baharu ini juga membolehkan penalti dikenakan sekiranya berlaku perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran oleh pekerja, atau pekerja ejen dalam masa penggajiannya atau ejennya semasa bertindak bagi pihak orang lain.

**(viii) Seksyen 24 – Penalti am**

Penalti am asal di bawah seksyen 24(b) iaitu "dipenjarakan tidak melebihi lima (5) tahun atau denda atau kedua-duanya sekali" dipinda kepada "dipenjarakan tidak melebihi tujuh (7) tahun atau denda tidak melebihi seratus ribu ringgit (RM100,000) atau kedua-duanya sekali" dengan mengambil kira keseriusan sesuatu wabak dan pesalah laku dari industri berskala besar.

(ix) **Seksyen 25 – Pengkompaunan kesalahan;**

Pindaan ini bagi membolehkan pegawai yang diberi kuasa termasuk dari badan berkanun atau PBT mengeluarkan kompaun bagi kesalahan.

Kadar kompaun asal "adalah tidak melebihi satu ribu ringgit" dipinda kepada "adalah tidak melebihi sepuluh ribu ringgit bagi individu dan tidak melebihi lima puluh ribu ringgit bagi pertubuhan perbadanan".

Kenaikan nilai penalti dan kompaun ini adalah:

- i) bagi mencegah individu dan pertubuhan perbadanan dari melakukan kesalahan serta sentiasa mematuhi SOP dan arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan; dan
- ii) sebagai pengajaran kepada mereka yang telah melakukan kesalahan agar tidak mengulanginya.

(x) **Seksyen 31 – Kuasa membuat peraturan-peraturan.**

Peruntukan baharu ini adalah sebagai punca kuasa untuk mengenakan penalti di bawah Akta 342 bagi mana-mana kesalahan yang tidak dinyatakan di dalamnya. Peraturan yang dibuat di bawah subseksyen baharu ini boleh menetapkan apa-apa perbuatan yang melanggar peraturan-peraturan itu menjadi suatu kesalahan dan boleh dikenakan penalti denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit, atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi enam bulan, atau kedua-duanya sekali.

Ordinan Darurat (Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021 ini akan **berkuatkuasa pada 11 Mac 2021**. Sehubungan itu, Kerajaan menyeru orang ramai agar sentiasa mematuhi SOP dan arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan bagi mengelakkan dikenakan tindakan undang-undang dan yang lebih penting adalah bagi memastikan negara dapat mengekang penularan jangkitan dan selanjutnya menamatkan pandemik COVID-19.

**DATO' SRI DR. ADHAM BABA**  
**MENTERI KESIHATAN**

**DATUK SERI TAKIYUDDIN HASSAN**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Rabu, 3 Mac 2021**